

# ISU-ISU BERBANGKIT DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA RINGKAS SECARA BERWASIAH DAN TIDAK BERWASIAH DI AMANAH RAYA BERHAD (ARB)

*Arising Issues in the Management of Simple Testate and  
Intestate Estates at Amanah Raya Berhad (ARB)*

*‘Ainan Husnaa Muhammad Saifullah*

*Master Candidate, Department of Shariah and Law*

*Academy of Islamic Studies*

*University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.*

*ainan.husnaa.ms@gmail.com*

*Siti Mashitoh Mahamood*

*Associate Professor, Department of Shariah and Law*

*Academy of Islamic Studies*

*University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.*

*mas68@um.edu.my*

## ABSTRACT

*Throughout the years, Amanah Raya Berhad (ARB), Kuala Lumpur continues to deal with matters pertaining to challenges and contemporary issues rose in the management of inheritance. This article attempts to examine various issues and challenges faced in the management of testate and intestate by ARB while attempting to identify the parties involved and accountable in said issues. To strengthen this study, this article will accumulate the impacts as a result of the issues rose as well as the methodology or the modus operandi of ARB in handling these issues. The methodologies adopted are library research including reference documentation and qualitative techniques mainly interview with covert and overt aspects. Based on the results obtained, the study found that there is a similar and interrelated pattern in the issues arise in the management of testate and intestate that includes various issues such as inheritance disputes, bureaucracy that*

*involved third parties and others. An updated and important finding in this study is the management of testate and intestate which involves specific agencies or banks that perform illegal or unproved acts of dividing the estate after obtaining the Certificate of Inheritance without the approval of Letter of Administration.*

**Keywords:** *testate, intestate, simple inheritance, Amanah Raya Berhad (ARB), issues, challenges*

## PENGENALAN

Salah satu permasalahan yang tidak asing dan semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah isu yang melibatkan tuntutan harta pusaka. Melihat kepada realiti hari ini, masalah berkaitan dengan harta pusaka terus berleluasa dalam pelbagai bentuk seperti perebutan harta dan lain-lain, di mana carian di internet menunjukkan lebih 400,000 paparan berkisar perebutan harta. Pelbagai masalah dan kerumitan dihadapi oleh pelbagai pihak dalam menguruskan dan membahagikan harta pusaka seperti sikap masyarakat yang memandang ringan terhadap penyegeeraan sesuatu permohonan aset harta pusaka (Bibi Nur Adila Zulkafli & Md Yazid Ahmad, 2016: 53) dan lain-lain.

Perkembangan sebegini merupakan sesuatu yang sangat merisaukan kerana ia boleh memberi impak negatif kepada nama baik masyarakat Islam Malaysia keseluruhannya. Ini adalah kerana harta pusaka yang tidak diuruskan dengan sebaiknya akan mengundang implikasi dari segi undang-undang, ekonomi dan sosial (Ghazali Ibrahim, 2008: 61). Sebagai contoh, kegagalan para waris menyelesaikan tuntutan harta pusaka secara baik sehingga mampu membawa kepada perbalahan dan perpecahan keluarga. Terdapat juga kes di mana suami masih terlantar di Unit Rawatan Rapi tetapi adik-beradik suami itu sudah mula berebut mengenai harta. Isteri dan anak angkat suami itu pula hanya mampu melihat perebutan harta antara mereka kerana suami tidak membuat sebarang wasiat.<sup>1</sup>

Perancangan dan pengurusan perwarisan harta pusaka seharusnya dilaksanakan dengan teliti dan bijak. Islam sebagai agama yang syumul telah meletakkan garis panduan dalam membimbing umatnya menyelesaikan perkara-perkara berkaitan pembahagian harta pusaka secara adil menerusi ayat-ayat al-Quran (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2011: 6) dan hadis Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

---

<sup>1</sup> Berita Harian Online, “Buat Wasiat Elak ‘Perang’ Harta Pusaka,” *Berita Harian Online*, <http://www.bharian.com.my/node/264210>, dicapai pada 26 Mac 2017.

*“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibubapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dinayar hutangnya. Ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu; kamu tidak mengetahui siapa diantaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (sebab itulah Allah menetapkan bahagian mereka kerana Dia lah jua Yang Mengetahuinya). (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah al-Nisā’ , 4: 11)

Rasulullah SAW juga telah bersabda (Muhammad Ibn ‘Abd al-Hādī al-Tatawī, Abū Ḥassan, t.t.: 161):

تعلموا الفرائض وعلموها فإنّه نصف العلم وهو ينسى وهو أول شيء  
يُنزع من أمتي

*“Pelajarilah ilmu faraid, dan ajarkan ia kepada orang lain. Sesungguhnya ia adalah setengah daripada ilmu, ia adalah ilmu yang dilupakan dan ia merupakan suatu ilmu yang mula-mula akan dicabut daripada umatku.”*

Apabila berlakunya kematian seseorang, hukum faraid mensyariatkan pembahagian harta pusaka dilakukan setelah mengambil kira pengurusan jenazah, hutang si mati, wasiat, sedekah jariah si mati dan harta sepencarian si mati. Seorang pemilik harta dibenarkan untuk memberikan hartanya kepada bukan ahli waris melalui pelbagai alternatif seperti hibah atau wasiat berdasarkan syarat-syarat yang tertentu. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

يَتَأْلِمُهَا الَّذِينَ إِمَنُوا شَهَدَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتَ حِينَ الْوَصِيَّةِ  
أَثْبَانَ دُوا عَدْلٍ مِنْكُمْ أَوْ إِخْرَانٍ مِنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ ضَرَبَتُمْ فِي الْأَرْضِ  
فَأَصَبَّتُكُمْ مُصِيبَةً الْمَوْتِ

*“Hai orang-orang yang beriman, apabila salah seorang kamu menghadapi kematian, sedang dia akan berwasiat, maka hendaklah (wasiat itu) disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang yang berlainan agama dengan kamu, jika kamu dalam perjalanan di muka bumi lalu kamu ditimpa bahaya kematian..”*

(Surah al-Mā’idah, 5: 106)

Sekiranya seseorang itu meninggalkan wasiat sebelum meninggal dunia, proses melibatkan tuntutan harta pusaka menjadi lebih cepat dan mudah. Hukum membuat wasiat adalah berbeza berdasarkan keadaan-keadaan yang tertentu. Pada asasnya, hukum meninggalkan wasiat adalah sunat dan digalakkan, terutamanya dalam perkara-perkara yang bersifat kebijakan (Ibn Battāl, 2003: 144; Jabatan Perdana Menteri Malaysia, t.t.: 2). Jika seseorang itu mempunyai harta yang banyak, hukum membuat wasiat juga adalah sunat, manakala wasiat oleh orang fakir pula adalah tidak digalakkan demi menjaga kebijakan para waris (Li Jannah al-Fatwā bi al-Shubkah al-Islāmiyyah, 2009: 6008). Wasiat juga boleh ditujukan kepada orang bukan Islam (orang kafir) (al-Sharbīnī, 1997: 53).

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama berkaitan dengan meninggalkan wasiat kepada ahli waris dan bukan ahli waris. Bagi hukum meninggalkan wasiat kepada ahli waris, setengah pendapat ulama mengatakan bahawa perbuatan ini adalah tidak harus (Al-Shāfi‘ī, 1990: 109). Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَعْطَى كُلَّ ذِيْ حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةٌ لَوَارِثٍ

*“Sesungguhnya Allah SWT telah memberi setiap orang yang mempunyai hak akan haknya, oleh itu tidak harus berwasiat kepada ahli waris.”<sup>2</sup>*

Hadis di atas menunjukkan bahawa wasiat tidak boleh dibuat kepada ahli waris yang layak memperolehi bahagian pusaka memandangkan mereka

<sup>2</sup> Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazid al-Qazwinī (t.t.). *Sunan Ibn Mājah*, No. 2194; Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazid al-Qazwinī (t.t.). *Sunan Ibn Mājah* (II/905) No. 2713; Abī Dāwud, Sulayman Ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī al-‘Azdī, *Sunan Abī Dāwūd* (VIII/72) No. 2853.

telahpun diperuntukkan bahagian tertentu dalam harta peninggalan si mati. Namun begitu, terdapat juga pendapat ulama yang mengatakan bahawa hukum membuat wasiat kepada waris adalah harus dengan syarat wujudnya persetujuan daripada kesemua ahli waris. Daripada Ibn ‘Abbas RA, Rasulullah SAW telah bersabda (Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh, 2000: 267):

لَا وصيَّةٌ لِوَارِثٍ إِلَّا أَنْ يُحِيزَهَا الْوَرَثَةُ

*“Tidak harus wasiat bagi waris melainkan jika dikehendaki oleh waris-waris.”*

Bagi wasiat kepada bukan ahli waris pula, ahli fuqaha seperti Ibn ‘Abbas, al-Zuhri dan al-Hasan al-Basri berpendapat bahawa berwasiat kepada bukan ahli waris adalah wajib.

Dalam membincangkan kadar wasiat pula, prinsip umum yang dianjurkan oleh hukum syarak adalah kadar harta yang diwasiatkan tidak boleh melebihi satu pertiga daripada keseluruhan harta pusaka pewasiat (al-Sharbinī, 1997: 62). Penetapan kadar ini bertujuan untuk menjaga hak dan kepentingan waris ke atas harta pusaka<sup>3</sup> tersebut di mana hak ini hanya wujud setelah berlakunya kematian pewasiat (Muhammad Abdul Aziz, 1423H: 82; Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2012: 7). Memandangkan waris hanya mempunyai hak ke atas harta pusaka tersebut setelah kematian pewasiat, persetujuan ini haruslah diperolehi setelah kematian bewasiat, juga sebagai salah satu indikasi bahawa persetujuan ahli waris untuk memperluaskan kadar satu pertiga ini diperolehi dengan rela hati (*Ibid*). Pada masa yang sama, Islam memberi kelonggaran di mana kadar satu pertiga ini boleh diperluaskan dengan syarat wujudnya persetujuan atau keizinan kesemua ahli waris bagi harta pusaka tersebut (Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh, 2000: 267; Jasni Sulong, 2008).

Masyarakat hendaklah memahami bahawa proses perancangan harta pusaka bukan sekadar mengumpul, mengurus dan melindungi harta tersebut, tetapi pihak yang berkuasa juga perlu memastikan harta tersebut dapat diwarisi dan diagihkan dengan baik tanpa menimbulkan kesukaran kepada penerima-penerima harta tersebut. Adalah merupakan tanggungjawab orang Islam untuk menjadikan nas-nas ini sebagai rujukan dan panduan dalam sesuatu perkara. Ini adalah kerana berdasarkan kajian ulama, sesuatu hukum yang ditetapkan oleh syarak adalah untuk menjaga *maqāṣid al-shari‘ah*, iaitu untuk memenuhi kepentingan manusia (Arieff Salleh Rosman, 2002: 74).

<sup>3</sup> Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muhammad Ibn Ismā‘il al-Ju‘fī (t.t.). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. T.p.: t.t.p, Kitāb al-Waṣayā, no. hadis 2617.

## **PERANAN AMANAH RAYA BERHAD SEBAGAI SYARIKAT PEMEGANG AMANAH DI MALAYSIA**

Amanah Raya Berhad (ARB) merupakan sebuah syarikat peramanahan yang mempunyai bidang kuasa khusus dalam perkara-perkara berkaitan Pentadbiran Harta Pusaka<sup>4</sup> yang terdiri daripada harta pusaka ringkas di mana jumlahnya tidak melebihi RM600,000. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat Pemegang Amanah Utama yang telah dikorporatkan pada tahun 1995 dan mempunyai undang-undang tersendiri. Kini, ARB muncul sebagai syarikat peramanahan dan perwarisan utama yang mampu menguruskan aset secara profesional.

Secara dasarnya, bidang kuasa ARB dalam menguruskan harta pusaka ringkas adalah berdasarkan kepada undang-undang yang telah diperuntukkan dalam urus tadbir harta. Peranan ARB bersifat pelbagai dan tertakluk kepada undang-undang seperti Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532), Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208), Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97), Akta Pembahagian 1958 (Akta 300) dan Akta Wasiat 1959 (Akta 346). Sebagai contoh, ARB akan menguruskan harta pusaka sekiranya si mati hanya meninggalkan wang simpanan di institusi kewangan (BSN, ASB, Tabung Haji, KWSP), kenderaan, saham, dividen dan lain-lain (Wan Abdul Halim Wan Harun, t.t.: 3).

Berlandaskan hukum syarak dan perundangan yang telah dinyatakan, peranan ARB sebagai syarikat pemegang amanah adalah seperti berikut:

- a) Meneliti senarai harta, liabiliti dan mengenal pasti penghutang dan pemutang si mati
- b) Melunaskan segala hutang si mati kepada pihak-pihak yang berkaitan
- c) Mengeluarkan Surat Kuasa dalam bentuk Akuan berdasarkan seksyen 17(1) Akta 532 dan Surat Kuasa dalam bentuk Arahan<sup>5</sup> berdasarkan 17(2) Akta 532.
- d) Pengagihan harta pusaka berdasarkan hukum faraid bagi yang beragama Islam dan Akta Pembahagian 1958 bagi yang bukan beragama Islam

Terdapat perbezaan antara Surat Kuasa Akuan dan Surat Kuasa Arahan. Surat Kuasa Akuan boleh dikeluarkan dengan perincian aset bagi harta alih bernilai tidak lebih daripada RM600,000 manakala Surat Kuasa Arahan pula boleh dikeluarkan oleh ARB untuk mengarahkan pembayaran kepada waris yang berhak bagi harta alih bernilai RM50,000 ke bawah. Apabila menerima

<sup>4</sup> Amanah Raya Berhad, “Portal Rasmi ARB,” <http://www.arb.com.my/bm/index.asp?fuseaction=Content.View&ID=21>, dicapai pada 17 Mei 2017.

<sup>5</sup> Amanah Raya Berhad, “Bidangkuasa Khusus ARB dalam Pentadbiran Pusaka,” <http://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/>, dicapai pada 29 Mac 2019.

Surat Kuasa Arahan, waris dikehendaki mengemukakan arahan tersebut kepada pihak bank untuk menerima bayaran. Bagi Surat Kuasa Akuan pula, ia adalah tertakluk kepada Akta Pembahagian 1958 bagi orang bukan Islam dan hukum Faraid bagi orang bukan Islam atau tertakluk kepada persetujuan semua ahli waris seperti yang ditetapkan.<sup>6</sup>

### **ISU-ISU BERBANGKIT DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA RINGKAS DI AMANAH RAYA BERHAD (ARB) SECARA BERWASIASAT DAN TIDAK BERWASIASAT**

Dalam membincangkan isu pengurusan harta pusaka di Malaysia, badan pentadbiran dan pengurusan ARB tidak mempunyai sebarang masalah pengurusan yang membabitkan pentadbiran pengurusan harta pusaka ringkas, sama ada secara berwasiat atau tidak berwasiat. Ini adalah kerana Seksyen 17(1) dan Seksyen 17(2) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 telah memberi jalan keluar kepada ARB dalam memudahkan pentadbiran dan pengurusan harta pusaka ringkas.

Selain itu, berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui temu bual, krisis ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia pada masa ini juga didapati tidak memberi apa-apa kesan terhadap pengurusan ARB. Hal ini adalah demikian kerana ARB beroperasi menggunakan sistem yang khusus. ARB menggunakan sistem harta pusaka sama seperti apabila membuka akaun bank yang baru yang mana ianya tidak akan terjejas oleh faktor ekonomi semasa.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, didapati wujudnya beberapa isu berbangkit dalam perkara-perkara lain dalam pengurusan harta pusaka ringkas ini. Kesemua isu ini merangkumi isu-isu berbangkit dalam kedua-dua pengurusan harta pusaka ringkas secara berwasiat dan tidak berwasiat. Berikut merupakan isu-isu berbangkit yang telah dikenal pasti oleh penulis dalam pengurusan harta pusaka ringkas di ARB secara berwasiat dan tidak berwasiat:

### **ISU BERBANGKIT BERKAITAN WARIS**

Urusan berkaitan pengurusan harta pusaka lazimnya melibatkan waris si mati. Terdapat pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan ARB apabila berhadapan dengan waris-waris si mati dalam menyelesaikan kes

<sup>6</sup> Amanah Raya Berhad, “Pentadbiran Pusaka,” <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/>, dicapai pada 29 Mac 2019.

<sup>7</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

pusaka secara berwasiat dan tidak berwasiat. Dalam menguruskan harta pusaka ringkas, ARB berhadapan dengan empat isu berkaitan waris yang telah dikenal pasti, iaitu kegagalan waris untuk mengemukakan dokumen secara lengkap, pertikaian antara waris, ketidakjujuran pemohon dalam menyenaraikan waris dan keengganan waris membuat pembayaran perkhidmatan kepada ARB.

### **1. Kegagalan Pengemukaan Dokumen Lengkap oleh Waris**

Salah satu keperluan dalam mengendalikan kes harta pusaka adalah mendapatkan dan mengemukakan dokumen-dokumen penting untuk diserahkan kepada pihak ARB. Dokumen-dokumen tersebut adalah termasuk sijil kematian, kad pengenalan waris, sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan juga dokumen aset si mati yang merangkumi seluruh harta kepunyaannya termasuk buku bank, amanah saham, gaji dan lain-lain (*Ibid*).

Dalam hal ini, isu atau masalah timbul apabila terdapat segolongan waris yang tidak dapat mengemukakan dokumen secara lengkap. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada proses pengurusan tidak kira sama ada pada awal atau pertengahan kes tersebut dijalankan. Pada awal proses permohonan, kegagalan mengemukakan kesemua dokumen boleh menyebabkan kelambatan proses penyiasatan ARB walaupun bayaran permohonan telah dibayar oleh waris (*Ibid*). Ini adalah kerana ARB akan membuat siasatan dan tindakan berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang dikemukakan.

Di antara sebab-sebab berlakunya isu dokumen tidak lengkap ini adalah seperti sikap tidak endah waris yang suka menangguh untuk menyerahkan dokumen tersebut. Selain itu, terdapat juga kes-kes di mana dokumen yang dikehendaki itu hilang tiada dalam pegangan waris yang membuat permohonan (*Ibid*). Menurut pemerhatian penulis, isu dokumen tidak lengkap ini juga boleh disebabkan oleh kelewatan menyelesaikan harta pusaka (Wan Abdul Halim Wan Harun, 2011: 230). Disebabkan masa yang diambil terlalu lama, maka isu kelewatan dalam menyelesaikan kes harta pusaka juga boleh menyebabkan hilangnya dokumen-dokumen yang diperlukan.

Waris hendaklah sedar bahawa kesan kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap bukan sahaja akan menjelaskan pengurusan ARB, malahan juga terhadap waris itu sendiri (*Ibid*). Ini adalah kerana kehilangan dokumen-dokumen penting ini boleh menyebabkan kesukaran kepada para waris untuk membuktikan tuntutannya. Lebih malang lagi sekiranya para waris yang dipanggil oleh ARB tidak dapat mengingati fakta salasilah waris atau turutan tarikh kematian waris lain yang meninggal dunia (*Ibid*: 231). Kesemua fakta

yang didapati dalam dokumen atau kenyataan daripada waris akan memberi kesan secara langsung kepada pengagihan harta pusaka ringkas itu dalam menentukan siapa waris yang berhak dan kadar bahagian masing-masing.

## 2. Pertikaian antara Waris

Pertelingkahan atau pertikaian sesama waris merupakan salah satu isu yang wujud dalam permasalahan pengurusan harta pusaka. Sehingga kini, isu ini merupakan isu yang paling sering dihadapi oleh pihak ARB.<sup>8</sup> Namun begitu, ianya jarang berlaku dalam pengurusan harta pusaka ringkas secara berwasiat memandangkan si mati telah meninggalkan beberapa ketetapan dalam menguruskan harta pusaka melalui wasiatnya. Pertikaian antara waris boleh berlaku pada awal atau pertengahan proses pengurusan harta pusaka. Isu yang timbul berkaitan waris pada awal proses melibatkan permohonan bagi melantik ARB sebagai pentadbir harta pusaka.

Punca pertelingkahan antara waris mungkin wujud sebelum berlakunya kematian dan berlarutan, di mana apabila berlakunya kematian, waris-waris yang bertelingkah masih lagi tidak mahu memperbaiki hubungan mereka (Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006: 335). Pertelingkahan ini berkemungkinan juga wujud selepas berlakunya kematian apabila terdapat waris yang tidak berpuas hati dalam sesuatu perkara semasa pengurusan jenazah. Sebagai contoh, terdapat waris yang sengaja ingin membolot atau menguasai harta si mati untuk kepentingannya sendiri (*Ibid*: 336).

Sekiranya harta si mati belum mempunyai seorang pentadbir dan tiada bentuk persetujuan dilakukan, waris-waris yang bertikai boleh mengambil initiatif untuk melantik seorang pentadbir harta di Mahkamah Tinggi Sivil. Di sini, Mahkamah Tinggi misalnya akan melantik ARB sebagai pentadbir harta dengan mengeluarkan Surat Kuasa Mentadbir. Mahkamah Sivil juga boleh melantik ARB sekiranya didapati bahawa tiada waris yang layak untuk mentadbir harta pusaka ringkas si mati.<sup>9</sup> Bagi kes-kes yang melibatkan orang Islam, waris-waris beragama Islam juga perlu mendapatkan perintah atau sijil Faraid di Mahkamah Syariah.<sup>10</sup> Perintah Faraid merupakan satu akuan rasmi yang mengandungi maklumat tentang nilaiann harta pusaka si mati,

<sup>8</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>9</sup> Amran Ahmad (Ketua Pengurusan Operasi Divisyen 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>10</sup> Seksyen 46, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

senarai waris yang beragama Islam serta bahagian-bahagian yang berhak mereka peroleh ke atas harta pusaka setelah pengiraan faraid dilakukan dan disahkan oleh Mahkamah Syariah.<sup>11</sup> Secara umumnya, Islam telah menyatakan bahawa sebarang permasalahan, pertikaian atau pertahanan yang berlaku hendaklah dirujuk dan dilihat kembali kepada al-Quran dan sunnah. Ini adalah sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنْزَعُُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُثُرَ ثُوَّمْنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ أَلَّا خِرَارٌ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحَسَنُ تَأْوِيلًا

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) dan Ulul Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu, lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

(Surah al-Nisa', 4: 59)

Merujuk kepada permasalahan di atas, sebenarnya Islam telah menyediakan satu bentuk solusi untuk menangani masalah ini iaitu melalui pendekatan *al-Takharuj*. *Al-Takharuj* dalam ilmu faraid merupakan salah satu bentuk pembahagian harta pusaka secara damai berdasarkan musyawarah atau perjanjian perdamaian antara waris. Pendekatan ini melibatkan pengunduran waris daripada hak yang dimilikinya sama ada digantikan dengan imbalan atau tidak daripada waris-waris yang lain. Selain daripada menghindari dan menyelesaikan konflik dan persengketaan keluarga, pendekatan *al-Takharuj* ini juga membantu memudahkan agihan pusaka (Zahari Mahad Musa & Mushaddad Hasbullah, 2015: 114).

Adalah sangat penting bagi memastikan bahawa sesuatu kes harta pusaka itu diselesaikan dengan secepat mungkin. Waris-waris seharusnya berkerjasama dan bertolak-ansur dalam membuat tindakan atau keputusan. Ini adalah kerana pertikaian yang wujud bukan sahaja akan menyusahkan para waris, malahan memberi kesan dalam kecekapan ARB selaku pentadbir harta. Sebarang kelewatan dan kelambatan proses pengurusan harta pusaka boleh membawa kepada isu atau masalah yang lebih sulit dalam kalangan waris seperti isu

<sup>11</sup> Mengurus Permohonan Faraid (t.t.p), Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia. Dicapai melalui <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27709?language=my> pada 27 April 2020.

kematian berlapis.<sup>12</sup> Kematian berlapis bermaksud terdapatnya lebih daripada satu kematian yang melibatkan waris bagi si mati pertama. Keadaan kematian ini boleh berlaku di pelbagai peringkat waris sama ada generasi waris pertama, kedua, ketiga atau pada beberapa lapis kemudiannya (Zahari Mahad Musa & Mushaddad Hasbullah, 2015: 114).

Situasi inilah yang merupakan di antara punca utama kelambatan pembahagian harta pusaka ringkas. Ini adalah kerana kes faraid akan menjadi berangkai rentetan kematian berlapis atau bertindih yang berlaku. Melihat kepada masalah ini, terdapat satu penyelesaian konflik kes faraid berangkai yang dinyatakan dalam hukum syarak iaitu melalui pendekatan *al-Munasakhah*. *Al-Munasakhah* adalah sebahagian penyelesaian agihan faraid dengan penentuan *al-tashih* (penyelarasaran pecahan) (*Ibid*: 115). Melalui pendekatan ini, kemaslahatan setiap waris dapat dipelihara dan mereka akan mendapat bahagian masing-masing daripada harta pusaka si mati.<sup>13</sup>

Isu kematian berlapis ini tidak boleh dipandang remeh kerana iaanya boleh mengambil masa yang sangat lama untuk mengenal pasti siapa waris si mati bagi generasi tersebut, tidak termasuk lagi proses pengurusan harta pusaka tersebut. Apatah lagi, isu kematian berlapis ini merupakan isu yang paling sukar diselesaikan (*Ibid*).

### 3. Ketidakjujuran Pemohon dalam Menyenaraikan Waris

Pada awal proses permohonan harta pusaka, pemohon diminta untuk menyediakan senarai nama dan kad pengenalan para waris bagi membantu pihak yang bertanggungjawab seperti Mahkamah Syariah dan ARB untuk menentukan bahagian pusaka setiap waris. Namun begitu, timbul masalah apabila terdapat waris yang tidak jujur dalam menyenaraikan dan menyediakan dokumen waris-waris yang lain (*Ibid*).

Sebagai contoh, sekiranya si mati meninggalkan dua orang isteri dan isteri pertama merupakan pemohon dalam pengesahan bahagian waris di Mahkamah Syariah. Masalah timbul apabila pemohon hanya menyerahkan senarai nama beliau dan anak-anak serta waris yang lain tetapi mengeneplikan nama isteri kedua dan anak-anak isteri kedua. Keadaan ini boleh merumitkan lagi keadaan pengurusan harta si mati. Sekiranya perbuatan sebegini dikesan, ARB boleh

<sup>12</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>13</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

mengarahkan agar pemohon membuat pengesahan bahagian harta pusaka di Mahkamah Syariah sekali lagi. Namun begitu, tindakan ini hanya boleh diambil sekiranya harta pusaka ringkas itu belum diagihkan.

Menurut Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman yang merupakan mantan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebelum ini, beberapa kes penipuan di dalam permohonan sijil faraid telah dikesan<sup>14</sup> dimana penipuan ini melibatkan penyembunyian ahli-ahli waris yang berhak ke atas harta pusaka berkenaan. Pihak JKSM dan mahkamah-mahkamah syariah negeri mendapati bahawa tindakan tersebut menyebabkan berlakunya pertindihan sijil dalam urusan mengagihkan harta pusaka. Keadaan ini dikatakan berlaku akibat ketidakseragaman undang-undang negeri-negeri dalam melibatkan pengurusan harta pusaka (*Ibid*). Perbuatan menipu dalam mendapatkan harta warisan merupakan sesuatu yang haram berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisaa' ayat 29:

يَأَيُّهَا الْذِينَ إِيمَانُكُمْ لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَ كُمْ بِالْبَطِلِ

*Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya)." (Surah al-Nisa', 5: 29)*

Keadaan ini adalah berbeza sekiranya senarai waris telahpun diberi dengan lengkap namun terdapat waris yang tidak dapat dikesan. Sekiranya begitu, ARB akan membahagikan bahagian harta kepada waris-waris yang ada dan menyimpan bahagian waris yang tidak dapat dikesan itu. Hal ini berlarutan sehingga waris tersebut sendiri muncul dan menuntut haknya.<sup>15</sup> Pada masa yang sama, ARB juga berusaha untuk mencari waris yang tidak dapat dikesan melalui media massa. ARB juga telah menubuhkan satu pasukan kecil melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)<sup>16</sup> dan membuat semakan menggunakan *Agency Link-Up System* (ALIS) JPN untuk mendapatkan maklumat terkini

<sup>14</sup> Ketidakseragaman Undang-Undang Cetus Masalah. (2003, 7 Oktober *Utusan Online*, Dicapai melalui [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_05.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_05.htm) pada 21 April 2017

<sup>15</sup> Ahmad Shamsul Bahari (Pengurus Operasi 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 29 Mei 2017.

<sup>16</sup> Amanah Raya: RM315 Juta Harta Tidak Dituntut Pewaris (2017, 31 Julai) *Free Malaysia Today News*, Dicapai melalui <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/07/31/amanah-raja-rm315-juta-harta-tidak-dituntut-pewaris/> pada 31 Mei 2020.

tentang waris si mati yang tidak dapat dikesan<sup>17</sup> tersebut. Tindakan dan usaha mencari waris yang tidak dapat dikesan adalah penting bagi mengelakkan berlakunya masalah lain seperti peningkatan jumlah harta atau wang yang tidak dituntut dan harta beku<sup>18</sup> yang semestinya boleh memberi kesan kepada pembangunan ekonomi.

Manakala, berdasarkan kenyataan Ketua Pegawai Pemasaran Amanah Raya Bhd. (ARB), pada tahun 2011 terdapat 42 bilion Ringgit Malaysia harta yang beku kerana masalah waris yang tidak dapat dikesan. Dengan jumlah tersebut maka, kerajaan akan memperolehi nilai zakat dengan jumlah anggaran sebanyak RM 1.05 bilion iaitu 12.5% daripada nilai keseluruhan dan pastinya lebih ramai umat Islam boleh dibebaskan daripada kelompok kemiskinan

#### **4. Waris Enggan Membuat Pembayaran Perkhidmatan kepada ARB<sup>19</sup>**

Berdasarkan kepada perkhidmatan ARB yang pelbagai, ARB mengenakan bayaran atau fi perkhidmatan yang berpatutan kepada para pelanggannya. Bayaran sebanyak RM500.00 dikenakan untuk membuat Wasiat Asas dan RM1,200.00 untuk Wasiat Komprehensif. Bayaran ini termasuk penulisan dan penyimpanan wasiat tanpa mengambil kira jumlah aset di dalam wasiat tersebut.<sup>20</sup>

Fi ini pada asasnya berbentuk kadar peratusan yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Amanah Raya dengan kelulusan Menteri<sup>21</sup> berdasarkan kepada jumlah keseluruhan nilai harta. Bagi perkhidmatan pentadbiran pusaka, fi perkhidmatan pentadbiran pusaka yang dikenakan adalah antara satu hingga lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai harta. Sebagai contoh, bagi jumlah harta sebanyak RM25,000.00, kadar fi yang ditetapkan oleh ARB

<sup>17</sup> Amanah Raya Berhad, “Soalan Lazim Pentadbiran Pusaka,” <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/soalan-lazim-pusaka/>, dicapai pada 31 Mei 2020.

<sup>18</sup> Amanah Raya: RM315 Juta Harta Tidak Dituntut Pewaris (2017, 31 Julai) *Free Malaysia Today News*. Dicapai melalui <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/07/31/amanah-raya-rm315-juta-harta-tidak-dituntut-pewaris/> pada 31 Mei 2020.

<sup>19</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>20</sup> Amanah Raya Berhad Soalan Lazim Perkhidmatan Wasiat, *Portal Rasmi Amanah Raya Berhad*. Dicapai melalui <https://www.amanahraya.my/ms/perkhidmatan-wasiat/soalan-lazim-wasiat/> pada 2 Mei 2020.

<sup>21</sup> Seksyen 33(1) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)

adalah sebanyak 5% manakala baki seterusnya sehingga RM225,000 pula dikenakan pembayaran perkhidmatan sebanyak 4%.<sup>22</sup>

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, salah satu isu berbangkit lain yang dihadapi oleh ARB adalah apabila terdapat waris yang enggan membuat pembayaran perkhidmatan ARB. Isu ini lazimnya berlaku disebabkan oleh ketiadaan wang tunai sama ada dari pihak si mati ataupun dari pihak waris, kekurangan jumlah duit deposit yang perlu dibayar kepada pihak ARB dan juga penangguhan bayaran oleh pihak waris. Justeru itu, pihak ARB terpaksa menahan pembahagian harta pusaka si mati sehinggalah bayaran terhadap khidmat dibuat (*Ibid*).

Seperti yang telah dinyatakan, krisis ekonomi Malaysia didapati tidak memberi apa-apa kesan terhadap pengurusan ARB kerana ARB beroperasi menggunakan sistem yang khusus. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa kemerosotan ekonomi pada masa ini merupakan salah satu faktor wujudnya isu keengganan waris membuat dan menyelesaikan bayaran perkhidmatan ARB. Kenyataan ini adalah berdasarkan dakwaan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang mengatakan bahawa dasar ekonomi yang melibatkan kejatuhan nilai mata wang negara, penghapusan subsidi bahan api elektrik dan gula serta pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan telah menyebabkan rakyat terpaksa berdepan dengan kos hidup lebih tinggi, peningkatan kadar pengangguran dan lain-lain.<sup>23</sup> Lantaran ini, penulis berpendapat bahawa fenomena ini sedikit sebanyak telah menyebabkan waris terpaksa mengutamakan kepentingan yang lain dan tidak menyelesaikan bayaran hutang dengan pihak ARB.

Bagi menyelesaikan isu keengganan waris membayar perkhidmatan ARB disebabkan ketiadaan wang, waris bolehlah menggunakan harta pusaka yang ditinggalkan untuk membiayai kos atau fi pengurusan pentadbiran ARB.<sup>24</sup> Perkara ini adalah dibenarkan dan bertepatan dengan kaedah fiqh “**ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب**” yang bermaksud sesuatu perkara akan menjadi wajib apabila melalui wasilahnya sahaja objektif hukum (wajib) boleh tercapai.

<sup>22</sup> Kos Pembahagian Harta Pusaka Yang Anda Perlu Tahu, *Akmal Saufi & Co.*. Dicapai melalui <https://www.ascolaw.co/pemikiran-terbaru/kos-pembahagian-harta-pusaka-pada-2-Mei-2020>.

<sup>23</sup> Malaysiakini, “Susut Nilai Ringgit Lebih Teruk Daripada Mata Wang Lain,” <http://www.malaysiakini.com/news/332590>, dicapai pada 5 Jun 2017.

<sup>24</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, “Hukum Menggunakan Wang Pusaka Bagi Membiayai Kos Pengurusan Harta Pusaka,” <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3875-al-kafi-1472-hukum-menggunakan-wang-pusaka-bagi-membiayai-kos-pengurusan-harta-pusaka>, dicapai pada 2 Mei 2020.

## BIROKRASI YANG MELIBATKAN PIHAK KETIGA<sup>25</sup>

Walaupun ARB merupakan syarikat tersendiri, ia masih berurusan dengan pihak-pihak ketiga di mana ARB akan bekerjasama dengan pelbagai badan kerajaan atau agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat dan Mahkamah Syariah. Secara umumnya, ARB mempunyai hubungan dan kerjasama yang baik dengan semua pihak ketiga yang terlibat. Walau bagaimanapun, terdapat juga isu pengurusan dengan pihak ketiga yang menyebabkan tertangguhnya proses pembahagian pusaka. Ini adalah kerana terdapat beberapa prosedur di bahagian pihak ketiga yang mengambil masa untuk menguruskan apa-apa dokumen justeru memberi kesan secara langsung dalam pengurusan ARB.

Salah satu contoh yang boleh dikemukakan adalah berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Selain daripada mengeluarkan sijil faraid, Mahkamah Syariah juga berbidang kuasa dalam memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan harta sepencarian. Harta sepencarian ini tidak dinyatakan dalam syarak namun ianya merupakan perkara yang telah diterima pakai dalam undang-undang dan amalan masyarakat Malaysia yang seharusnya diselesaikan sebelum agihan harta pusaka boleh dibuat. Ini bermaksud bahawa sekiranya si mati pernah bercerai, tuntutan bekas pasangan terhadap harta sepencarian mestilah diutamakan terlebih dahulu dan tidak boleh diketepikan.

Pada kebiasaanya mahkamah akan memutuskan sebanyak 50% dalam anggaran daripada keseluruhan harta sepencarian dan ini tidak termasuk lagi harta faraid. Namun begitu, proses ini mengambil masa yang agak lama di mahkamah syariah di mana jumlah harta sepencarian itu perlu diputuskan.<sup>26</sup> Sebagai contohnya, wujud kes yang memakan masa sehingga sembilan tahun iaitu pada tahun 2008 sehingga 2017 hanya untuk memutuskan jumlah harta sepencarian.<sup>27</sup>

Bagi pasangan yang telah bercerai sewaktu hidup, hal ini mungkin tidak menjadi masalah kerana mereka mempunyai sumber pendapatan lain iaitu melalui hasil pendapatan pekerjaan mereka. Akan tetapi menjadi masalah besar terhadap pasangan yang bercerai mati kerana akan wujudnya isu harta

<sup>25</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017; Ahmad Shamsul Bahari (Pengurus Operasi 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 29 Mei 2017.

<sup>26</sup> Amran Ahmad (Ketua Pengurusan Operasi Divisyen 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>27</sup> Ahmad Shamsul Bahari (Pengurus Operasi 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 29 Mei 2017.

anak yatim yang akan berterusan digunakan jika harta sepencarian ini tidak diputuskan oleh mahkamah syariah dengan segera.<sup>28</sup> Secara tidak langsung, ini boleh menyebabkan sebilangan masyarakat beranggapan bahawa pihak ARB lambat dalam menguruskan proses pembahagian pusaka kerana terpaksa menunggu keputusan mengenai harta sepencarian sebelum agihan harta pusaka boleh dilakukan (*Ibid*).

Pada waktu yang sama, hendaklah difahami bahawa adalah tidak mudah bagi Mahkamah Syariah untuk membuat keputusan dalam apa-apa kes, apakah lagi kes yang melibatkan harta. Ini adalah kerana ianya melibatkan hukum syarak dan hak individu di mana Mahkamah Syariah hendaklah memastikan bahawa keputusan yang dibuat adalah adil dan saksama. Isu penangguhan kes harta pusaka ringkas di ARB akibat tuntutan harta sepencarian seharusnya diberi pertimbangan yang wajar oleh Mahkamah Syariah kerana sekiranya kes tuntutan harta sepencarian itu berleretan, ia juga akan memberi impak yang negatif kepada waris-waris lain dalam menyelesaikan agihan harta pusaka ringkas selebihnya.

### **USAHA DAN TINDAKAN AMANAH RAYA BERHAD DALAM MENGENDALIKAN PERMASALAHAN DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA BERWASIAH DAN TIDAK BERWASIAH**

ARB telah melakukan pelbagai usaha bagi memastikan masyarakat di Malaysia sedar akan kepentingan perancangan harta pusaka dan wasiat. ARB telah bekerjasama dengan pelbagai rakan strategik dan agensi kerajaan termasuk bank-bank utama seperti Bank Islam Berhad serta institusi kewangan yang lain bagi menawarkan penyelesaian holistik berkaitan Pengurusan Perwarisan tanpa mengambil kira tahap kompleksiti permasalahan kes pusaka tersebut. Untuk makluman, berikut merupakan statistik pendaftaran kes harta pusaka di ARB secara keseluruhan mulai tahun 2012 sehingga 2016.

Jadual 1: Statistik Pendaftaran Kes Harta Pusaka di ARB tahun 2012-2016

<b>Row Labels</b>	<b>Tahun 2012</b>	<b>Tahun 2013</b>	<b>Tahun 2014</b>	<b>Tahun 2015</b>	<b>Tahun 2016</b>
Seksyen 17(1)	5,010	5,371	5,886	5,518	5,395
Seksyen 17(2)	2,885	3,033	5,072	5,349	5,969
Seksyen 8	575	610	617	695	582
Seksyen 13	193	192	221	236	204

<sup>28</sup> Amran Ahmad (Ketua Pengurusan Operasi Divisyen 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

Pampasan	1,690	1,852	2,099	2,900	2,611
Kod F	83	137	170	163	160
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>10,436</b>	<b>11,195</b>	<b>14,065</b>	<b>14,861</b>	<b>14,921</b>

Sumber: Amanah Raya Berhad, Kuala Lumpur 2017

Berdasarkan seksyen 17(1) dan 17(2) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, statistik pendaftaran harta pusaka ringkas adalah seperti yang didapati dalam kes pendaftaran pusaka seksyen tersebut. Melihat kepada rajah yang terdapat di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat 27, 180 kes harta pusaka ringkas yang tidak melebihi RM600, 000.00 dan 22, 308 kes harta pusaka ringkas bernilai tidak melebihi RM50, 000.00 sepanjang tahun 2012 sehingga 2016. Ini bermaksud sepanjang tempoh berikut, terdapat 49, 488 kes harta pusaka ringkas di ARB secara keseluruhan.

Namun begitu, maklumat yang diperolehi ini tidak dapat mengenal pasti jumlah pendaftaran kes secara berwasiat dan tidak berwasiat. Salah satu sebab perkara ini adalah kerana pada asalnya kes harta pusaka ringkas secara berwasiat hanya dikendalikan di ARB, KL. Walau bagaimanapun, permohonan harta pusaka secara berwasiat berakhir pada 2012 dimana pihak pengurusan ARB memutuskan supaya membiarkan cawangan-cawangan ARB menguruskan sekaligus kes pusaka secara berwasiat dan tidak berwasiat.<sup>29</sup> Oleh yang demikian, statistik yang dikumpul telah disatukan dan tiada pemisahan maklumat antara kes pusaka berwasiat dan tidak berwasiat.

Menurut kajian yang dilakukan juga, berlakunya penurunan bilangan kes pusaka ringkas bermula tahun 2014 menunjukkan bahawa si mati bukan sahaja mempunyai aset tunai malahan harta-harta lain termasuklah harta yang berbentuk harta tidak alih untuk ditadbirkan selepas kematian.<sup>30</sup> Pada masa yang sama, kajian yang lebih teliti adalah digalakkan bagi mengkaji keadaan dan pengurusan harta pusaka ringkas secara lebih mendalam.

Menyentuh dari sudut pengurusan dan pentadbiran ARB pula, ARB akan memastikan para pegawai, pekerja dan kakitangan adalah berkompeten dan berkelayakan dalam tugas masing-masing.<sup>31</sup> Sebagai contoh, terdapat

<sup>29</sup> Nor Zarina Mastora (Eksekutif Kanan Operasi 2, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>30</sup> Data ini diambil berdasarkan komunikasi WhatsApp dengan Puan Nor Zarina Mastora. Nor Zarina Mastora (Eksekutif Kanan Operasi 2, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>31</sup> Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

beberapa pegawai di Jabatan Pentadbiran Wasiat yang *legally qualified* dari sudut perundangan malahan juga beramal dalam bidang perundangan selain daripada menjadi pegawai di ARB.<sup>32</sup> Malahan, sebelum berkhidmat dengan ARB, terdapat juga pegawai yang pernah bertugas sebagai peguam negara dan berurusan dengan Mahkamah Syariah. Keadaan ini bukan sahaja sangat bermanfaat, bahkan juga menyenangkan urusan ARB apabila berurusan dengan Mahkamah Syariah dan para pelanggan kerana mempunyai ilmu dan kefahaman yang lebih tinggi mengenai harta pusaka dan wasiat.

Dalam mempromosikan produk wasiat ARB pula, ARB telah melantik beberapa agensi sebagai agen produk mereka. Sebagai contoh, Bank Islam akan mempromosikan dan menjual produk-produk ARB kepada pelanggan-pelanggan mereka. Produk-produk ARB ini juga didapati dalam proses penjenamaan semula bagi menstabilkan kedudukannya di pasaran ekoran saingen-saingen sihat dari produk berjenama lain agar kedudukannya selaras dengan produk-produk tersebut. Berbeza dengan perkhidmatan kepeguanan, fi yang dikenakan oleh ARB dalam mentadbir dan menguruskan harta pusaka ringkas secara berwasiat dan tidak berwasiat adalah lebih murah. ARB juga menawarkan khidmat nasihat percuma yang boleh didapati di mana-mana 18 cawangan yang terdapat di Malaysia.<sup>33</sup>

Selain itu, terdapat beberapa penambahbaikan terkini berkenaan dengan portal ARB. ARB telah menaik taraf portal rasmi ARB dan boleh diakses oleh masyarakat bermula sekitar akhir bulan Mei 2017. Portal terbaru adalah lebih komprehensif dan mudah difahami.<sup>34</sup> Portal rasmi ARB juga adalah lebih mesra pengguna di mana keterangan yang lebih terperinci boleh didapat berkaitan dengan produk-produk ARB.<sup>35</sup> Baru sahaja dalam tempoh setahun dua ini, ARB juga didapati mempunyai WhatsApp, Youtube dan laman Facebook yang tersendiri bagi memberi kefahaman dan berinteraksi dengan masyarakat serta memberi ruang untuk ARB meningkatkan prestasi berkenaan dengan pengurusan harta pusaka dan wasiat.

Dalam usaha menyebarkan kesedaran tentang kepentingan perancangan dan pengurusan harta pusaka juga, ARB telah mengadakan pelbagai program

<sup>32</sup> Nor Zarina Mastora (Eksekutif Kanan Operasi 2, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>33</sup> Portal Baru Amanah Raya Berhad. Dicapai melalui <http://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/>

<sup>34</sup> Amran Ahmad (Ketua Pengurusan Operasi Divisyen 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

<sup>35</sup> Ahmad Shamsul Bahari (Pengurus Operasi 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 29 Mei 2017.

dan kempen kesedaran tidak kira sama ada berbentuk harta pusaka ringkas atau kecil. Selain itu, pelbagai telah dipaparkan di kawasan bandar raya seperti iklan kempen pengurusan pusaka ARB di dua puluh empat gerabak LRT Putra<sup>36</sup> dan banyak lagi. Sewaktu program pemasaran produk dianjurkan, ARB secara tidak langsung dapat memberikan khidmat nasihat kepada masyarakat secara terus tanpa perlunya waris untuk hadir ke cawangan ARB.

Sebagai contoh, dalam satu program kesedaran yang pernah dianjurkan, terdapat waris yang bertanya tentang masalah pengurusan harta pusaka di mana pentadbir yang dilantik oleh waris tidak melaksanakan tugasnya ataupun meninggal dunia setelah menerima Surat Kuasa Mentadbir (*Letter of Administration*) lantas menyebabkan kelewatan pengurusan harta pusaka. Dalam hal ini, ARB dapat menggantikan pentadbir tersebut setelah menerima arahan dari Mahkamah Sivil sekiranya pentadbir tersebut telah meninggal dunia. Ini menunjukkan lagi salah satu kelebihan ARB di mana ianya merupakan pentadbiran secara menerus.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian pengkaji, masih lagi terdapat ramai orang dalam kalangan masyarakat Malaysia yang masih kurang terdedah kepada kepentingan berwasiat. Sebagai contoh, pada tahun 2014, statistik yang diperolehi menunjukkan hanya 100,000 orang sahaja yang menulis wasiat di Malaysia berbanding 10 juta individu yang layak menulis wasiat.<sup>37</sup> Apa yang lebih mengecewakan lagi adalah hanya 20% sahaja membuat wasiat yang terdiri dari kalangan orang Islam (*Ibid*).

Ini menggambarkan bahawa tahap kesedaran orang Islam tentang kepentingan wasiat adalah sangat rendah berbanding orang bukan Islam. Bukan itu sahaja, malah dapat dilihat juga bahawa perlunya usaha yang lebih daripada pelbagai pihak yang berkaitan bagi memastikan bahawa pengurusan harta pusaka dapat diselesaikan dengan lebih efisyen dengan menggunakan kaedah wasiat ini. Isu-isu berbangkit yang dikenal pasti dalam penulisan ini merupakan isu-isu yang sudah lama berlaku, terutamanya berkaitan dengan waris dan juga birokrasi bersama pihak ketiga. Walau bagaimanapun, isu di mana terdapat agensi atau badan kerajaan yang mengagihkan harta pusaka tanpa adanya Surat Kuasa Mentadbir atau apa-apa kelulusan untuk berbuat demikian merupakan suatu isu yang baru. Bagi mengatasi kesemua isu berbangkit ini,

<sup>36</sup> Harian Metro, “Iklan Kempen Pengurusan Pusaka ARB di 24 Gerabak LRT Putra,” *Harian Metro*, <http://www.amanahraya.my/ms/newsclipping/iklan-kempen-pengurusan-pusaka-arb-di-24-gerabak-lrt-putra/>, dicapai pada 15 Februari 2017.

<sup>37</sup> Majlis Agama Islam Selangor, “Kepentingan Berwasiat Cabaran dan Pelaksanaannya,” *Buletin MAIS: Edisi Membentuk Fikrah Ummah* September 2014, dicapai melalui <http://www.mais.gov.my/info-mais/informasi/buletin-edisi/139-mais-news-09-2014> pada 18 Ogos 2019.

masyarakat dan ARB serta pihak ketiga yang berkaitan hendaklah berganding bahu bagi mengatasi isu-isu berbangkit ini.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, ARB memainkan peranan yang signifikan dalam membantu umat Islam dari sudut perancangan dan pengurusan harta. Namun begitu, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh ARB dalam menjalankan amanah seperti isu berkaitan waris dan birokrasi yang melibatkan pihak ketiga. Satu isu terbaru telah dikenal pasti oleh penulis, iaitu terdapatnya agen atau bank yang bertindak sebagai pentadbir harta tanpa kelulusan undang-undang. Berdasarkan penerangan yang telah dinyatakan, isu atau cabaran yang dihadapi oleh ARB banyak didominasi oleh faktor-faktor di pihak waris. Bagi mengatasi isu-isu tersebut, ARB telah mengambil pelbagai langkah dalam mengendalikan isu-isu yang telah dinyatakan. Pada masa yang sama, masyarakat perlu menanam kesedaran tentang betapa pentingnya membuat perancangan awal mengenai pengagihan harta sebelum meninggal dunia bagi mengelakkan waris daripada berhadapan dengan masalah pengurusan pembahagian harta pusaka. Masyarakat juga perlu lebih cakna akan ilmu dan proses berkaitan perancangan dan pengurusan harta. Hal ini bukan sahaja akan meningkatkan kerjasama antara ARB dan masyarakat dari sudut pentadbiran harta orang Islam, malah akan membantu memudahkan dan mempercepatkan proses pentadbiran dan pengurusan harta orang Islam.

## RUJUKAN

- Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh (2000), *al-Istidhkar*, vol. 1. Bayrūt: Dar al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shāfi‘ī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Idrīs (1990). *al-Umm al-Shāfi‘ī: Habat al-Mariḍ*, vol. 4. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Amanah Raya Berhad Soalan Lazim Perkhidmatan Wasiat, *Portal Rasmi Amanah Raya Berhad*, <https://www.amanahraya.my/ms/perkhidmatan-wasiat/soalan-lazim-wasiat/>, dicapai pada 2 Mei 2020.
- Amanah Raya Berhad, “Bidangkuasa Khusus ARB dalam Pentadbiran Pusaka,” <http://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/>, dicapai pada 29 Mac 2019.
- Amanah Raya Berhad, “Pentadbiran Pusaka, AmanahRaya,” *Portal Rasmi Baru Amanah Raya Berhad*, <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/>, dicapai pada 18hb Ogos 2019

- Amanah Raya Berhad, “Pentadbiran Pusaka,” <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/>, dicapai pada 29 Mac 2019.
- Amanah Raya Berhad, “Portal Rasmi ARB,” <http://www.arb.com.my/bm/index.asp?fuseaction=Content.View&ID=21>, dicapai pada 17 Mei 2017.
- Amanah Raya Berhad, “Soalan Lazim Pentadbiran Pusaka,” <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/soalan-lazim-pusaka/>, dicapai pada 31 Mei 2020.
- Amanah Raya: RM315 Juta Harta Tidak Dituntut Pewaris (2017, 31 Julai) *Free Malaysia Today News*, Dicapai melalui <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/07/31/amanah-raja-rm315-juta-harta-tidak-dituntut-pewaris/> pada 31 Mei 2020.
- Arieff Salleh Rosman (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Berita Harian Online, “Buat Wasiat Elak ‘Perang’ Harta Pusaka,” *Berita Harian Online*, <http://www.bharian.com.my/node/264210>, dicapai pada 26 Mac 2017.
- Bibi Nur Adila Zulkafli & Md Yazid Ahmad (2016). “Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia,” *Jurnal Islamiyyat*, vol. 38, 53-63.
- Ghazali Ibrahim (2008). *RM42 Billion Pusaka Belum Dituntut? Kupasan Ilmu Faraid, Wasiat dan Hibah*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn Bhd.
- Harian Metro, “Iklan Kempen Pengurusan Pusaka ARB di 24 Gerabak LRT Putra,” *Harian Metro*, <http://www.amanahraya.my/ms/newsclipping/iklan-kempen-pengurusan-pusaka-arb-di-24-gerabak-lrt-putra/>, dicapai pada 15 Februari 2017.
- Ibn Baṭṭāl, Abū Ḥasan ‘Alī Ibn Khallāf Ibn ‘Abd al-Mālik (2003). *Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia (t.t.). *Manual Pengurusan Model Perundangan Wasiat, Jabatan Wakaf, Zakaf dan Haji (JAWHAR)*. Putrajaya: JPM.
- Jasni Sulong (2008). *Pembaharuan Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Malaysia.
- Kos Pembahagian Harta Pusaka Yang Anda Perlu Tahu, *Akmal Saufi & Co.*.. Dicapai melalui <https://www.ascolaw.co/pemikiran-terbaru/kos-pembahagian-harta-pusaka> pada 2 Mei 2020.

- Li Jannah al-Fatwā bi al-Shubkah al-Islāmiyyah (2009). *Fatawā al-Shubkah al-Islāmiyyah: Hukm Wasiyyah al-Faqīr*, vol. 12, t.t.p: t.p.
- Majlis Agama Islam Selangor, “Kepentingan Berwasiat Cabaran dan Pelaksanaannya,” Buletin MAIS: Edisi Membentuk Fikrah Ummah September 2014, dicapai melalui <http://www.mais.gov.my/info-mais/informasi/buletin-edisi/139-mais-news-09-2014> pada 18 Ogos 2019
- Malaysiakini, “Susut Nilai Ringgit Lebih Teruk Daripada Mata Wang Lain,” <http://www.malaysiakini.com/news/332590>, dicapai pada 5 Jun 2017.
- Muhammad ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Alī al-Shazalī al-Khawlī (1423H). *al-Ādab al-Nabawī: Waṣiyyah bi al-Māl*, vol. 1. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Muhammad Ibn ‘Abd al-Hādī al-Tatawī, Abū Hassan (t.t.). *Hāshiyah al-Sanadī ‘ala Sunan Ibn Mājah: al-Hassu ‘ala Ta‘līm al-Farā’id* 2. Bayrūt: Dār al-Jayl.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2012), *Wasiyat dan Wisayah dalam Perancangan Harta Prinsip dan Amalan*, Johor Bahru, Penerbit UTM Press, 1-186
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, “Hukum Menggunakan Wang Pusaka Bagi Membiayai Kos Pengurusan Harta Pusaka,” <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3875-al-kafi-1472-hukum-menggunakan-wang-pusaka-bagi-membiayai-kos-pengurusan-harta-pusaka>, dicapai pada 2 Mei 2020.
- Al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muhammad Ibn Muhammad al-Khāṭīb (1997). *Mughnī al-Muhtāj ‘ila Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Manhāj*, vol. 3. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Utusan Malaysia, “Ketidakseragaman Undang-Undang Cetus Masalah,” *Utusan Online*, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_05.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_05.htm), dicapai pada 21 April 2017
- Wan Abdul Halim Wan Harun (2006). *Pengurusan dan Pembangunan Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Halim Wan Harun (2011). *Mengurus Harta Pusaka: Asas Pembahagian Harta Cara Faraid*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Halim Wan Harun (t.t.). *Isu-Isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam dalam Konteks Perundungan Malaysia Perak*: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak.
- Zahari Mahad Musa & Mushaddad Hasbullah (2015). *Faraid Pembahagian Pusaka dalam Islam*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2011). *Pengurusan Harta Pusaka dalam Fiqh Syafi'i*. Selangor: Percetakan Mesbah Sdn Bhd.

### **Senarai Statut**

Akta Perbadanan Amanah Raya 1995

### **Senarai Temu bual**

Ahmad Shamsul Bahari (Pengurus Operasi 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 29 Mei 2017.

Amran Ahmad (Ketua Pengurusan Operasi Divisyen 2, Bahagian Operasi, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

Mohd. Nasir Yahya (Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

Nor Zarina Mastora (Eksekutif Kanan Operasi 2, Amanah Raya Berhad), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Mei 2017.

